

High Tech - High Touch : Pencarian makna ditengah perkembangan teknologi

Definisi

High Tech - suatu sistem yang berteraskan kebergantungan kepada pelbagai elemen keperluan kehidupan moden seperti sistem telekomunikasi canggih, sistem kawalan termaju, manipulasi genetik dan pelbagai kemudahan lain yang cukup efisien.

High Touch - suatu sistem yang terbina daripada pelbagai aspek asas keinsanan seperti hubungan sesama manusia yang terus, sistem kemasyarakatan berteraskan tradisi, sistem kerohanian dan kesedaran terhadap alam dan emosi.

Pengenalan

High Tech - High Touch adalah sebuah pemikiran tentang sistem kehidupan manusia yang baru. Pemikiran ini muncul atas kesedaran bahawa manusia telah terlalu hanyut dalam teknologi yang diciptakannya. Manusia terlalu mabuk dengan keselesaan, keseronokan, keterasingan dan pencapaian tahap kehidupan yang dikatakan tinggi.

Akibat daripada suasana dan keadaan yang berlarutan, kini telah muncul beberapa isu yang mencabar dan merungsingkan sebagai petanda atau simptom yang memerlukan penyembuhan segera.

Perkembangan Tamadun Manusia

Pada asasnya kehidupan manusia mempunyai keperluan terhadap pelbagai barangan asas. Keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan lain-lain seterusnya mendesak manusia untuk berterusan berfikir, mencuba, merekacipta alatan-alatan dan seterusnya membangunkan sistem kemasyarakatan yang sistematik yang menyokong kemunculan ketamadunan.

Perkembangan ilmu dan kesedaran terhadap pentingnya penerusan bekalan keperluan menyebabkan berlakunya pula perluasan kuasa dan budaya imperialis. Kesedaran terhadap perlunya pengendalian kekuasaan membawa pula kepada pelbagai inovasi yang lebih maju dan mencabar minda. Sistem kehidupan menjadi lebih efisien dengan perkembangan teknologi

yang membawa kepada pelbagai penemuan dan ciptaan sistem mahupun peralatan serba canggih. Selain niat yang luhur untuk mempertingkatkan taraf kehidupan, ledakan teknologi yang begitu pantas, peningkatan kesedaran terhadap peluang-peluang membuat untung serta polisi penaklukan budaya membawa kepada penerokaan kaedah penyebaran informasi yang lebih meluas dan efisien.

Perkembangan seterusnya memintas landasan keterbiasaan dan membawa manusia kepada suatu tahap pencemaran yang amat me'rimas'kan yang dinamakan sebagai Technology Intoxicated Zone.

Cabaran Terhadap Ketamadunan

Zon baru ini telah terbukti membawa pelbagai cabaran-cabaran baru yang amat bahaya jika tidak ditangani dengan baik. Kebergantungan yang amat sangat kepada pelbagai keselesaan teknologi komunikasi terkini seperti pelbagai *mobile on-line* dan *remote system* serta *virtual reality entertainment* telah menyebabkan manusia semakin hanyut dan terapung-apung dalam lautan yang tidak terfikirkan.

Sifat-sifat keganjilan yang berterusan mencirikan entiti-entiti kehidupan yang kian terasing dalam kelompok sosial moden kini diperhatikan berpotensi membuatkan kerosakan sistem kehidupan menjadi semakin parah.

Antara petanda-petanda bahawa kita terlalu asyik dalam keracunan teknologi adalah seperti berikut :

- kita takutkan teknologi dan mengagungkannya
- kita memilih penyediaan segera dari agama hinggalah makan-minum
- kita mengaburkan garis pemisah antara nyata dan palsu
- kita menerima keganasan sebagai perkara biasa.
- Kita terlalu cintakan teknologi sebagai aspek yang tidak mampu dipisahkan.
- Kita hidup dalam cara yang terpisah dan terganggu.

Unsur-unsur ganas melampau yang ditayangkan di layar perak dan karektor-

karektor brutal yang dimainkan oleh anak-anak muda di pusat permainan video serta kemunculan pelbagai isu-isu sains yang kini telah membudaya menunjukkan bahawa manusia perlu, jika boleh menghentikan sementara putaran dunia untuk berfikir sejenak ke manakah halatuju yang sebenar manusia dan kemanusiaan.

Pemikiran baru

Seperti yang telah disebutkan dalam para-para awal, sesungguhnya fenomena kehidupan kini sudah melalui pelbagai tahap dan sekarang sebenarnya adalah era terbaru di mana penilaian semula menjadi amat kritikal. Kesedaran terkini adalah ke arah menghasilkan rumusan keseimbangan antara kesan keracunan teknologi dan kesan penyembuhan yang mampu dibawa oleh sistem asas keinsanan. Aspek kerohanian kini menjadi antara agenda penting di samping meningkatkan hubungan terus sesama manusia. Sesungguhnya kini manusia perlu kembali ke pangkuan sistem kekeluargaan dan kemasyarakatan. Teknologi bukanlah untuk diagung-agungkan, ia patut dikembalikan kepada taraf asal sebagai peralatan yang menampung kekurangan semata-mata.

Selain dapat kembali memperkukuhkan cara kehidupan manusia yang berkisar tentang falsafah hidup dan kerohanian, pemikiran baru ini sebenarnya telah diperhatikan turut mampu memulih dan mempertingkatkan pencapaian dalam pelbagai aspek sampingan lain seperti pengurusan, penjualan dan rekabentuk.

a) Aplikasi dalam pengurusan

Hubungan sesama manusia yang melibatkan pertemuan empat mata, perkenalan yang rapat dan mesra selain perhubungan secara jauh dapat mempertingkatkan keberkesanan pengurusan.

Kepercayaan kepada kakitangan bawahan memerlukan perkenalan yang baik dan pertemuan yang teratur dalam mesyuarat dan sebagainya. Motivasi pekerja akan meningkat sekiranya hubungan yang baik dan mesra melibatkan personal-touch dapat dilakukan.

Mengenali minat dan kecenderungan anak buah akan membolehkan pengarah yang lebih berkesan. Sebagai contoh, aspek pengurusan yang mesra pekerja kini banyak diaplikasikan seperti penyediaan ruang istirahat, tempat permainan dan kemudahan 'nursery'. Pengurusan yang baik tidak mampu untuk secara berterusan menghasilkan pekerja-pekerja yang kecewa.

b) Aplikasi dalam perniagaan

Hubungan yang bersifat personal touch turut penting dalam perniagaan dan hubungan antara organisasi. Persaingan yang semakin sengit akibat penumpuan dalam perkembangan teknologi memberikan cabaran yang cukup besar dalam perniagaan.

Salesman kini perlu merapatkan diri dengan individu-individu yang terlibat dalam penggunaan produk yang dijualnya supaya kesan penumpuan teknologi dapat diatasi. Khidmat pelanggan kini turut menjadi aspek yang membolehkan sesuatu produk dapat dijual oleh syarikat-syarikat pembekal.

Andainya anda ingin membeli kereta, sudah tentunya majoriti daripada anda akan memilih jenama yang mempunyai rangkaian khidmat lepas jualan yang terbaik.

c) Aplikasi dalam rekacipta

Rekabentuk produk kini semakin canggih terutama daripada aspek fungsi. Kebolehan manusia memikirkan penyepaduan pelbagai fungsi dalam hasil rekacipta produk menyebabkan medan persaingan dalam aspek tersebut menjadi terlalu hebat.

Kebanyakan produk yang mampu bersaing kini turut mengintegrasikan aspek *eco-friendly*, *bio-degradable*, sebagai tambahan kepada *user-friendly*.

Nilai estetika dan sentimental turut menjadikan sesuatu produk itu dapat diterima di pasaran. Komputer berjenama Apple kini dengan bentuknya yang menarik serta kereta VW Beetle didapati mempunyai kesan nostalgia dapat dijual dengan laris di pasaran. Lagu-lagu 'evergreen' yang diberi nafas baru turut mendapat tempat di hati peminat muzik.

d) Aplikasi dalam pendidikan

Secara tradisi, pendidikan melibatkan guru atau pensyarah dan pelajar dalam bilik kuliah. Revolusi maklumat menyebabkan kemunculan CBT, WBT dan kini E-Learning.

Walaupun bagaimanapun, keberkesanan pendidikan masih dianggap optimum sekiranya hubungan langsung pengajar-pelajar turut diamalkan. Kini kedua-dua elemen telah berjaya disepadukan untuk sistem pendidikan yang lebih berkesan.

Kesimpulan

Sesungguhnya 'high tech-high touch' adalah merupakan satu seruan bagi mengejutkan manusia untuk berfikir sejenak tentang nilai-nilai yang telah dilupakan. Manusia perlu terus belajar untuk menerima perubahan demi perubahan supaya evolusi budaya tidak menenggelamkan ketamadunannya.

Selain kesedaran terhadap penyesuaian yang mungkin perlu dalam aspek teras kehidupan, kajian kini turut mendapati bahawa pengaduan yang sempurna antara kecanggihan teknologi - yang dicirikan oleh kecekapan yang tinggi - serta aspek asas kemanusiaan - yang memperkukuhkan keberkesanan - akan dapat membantu memastikan penerusan generasi dan kesinambungan ketamadunan insan.

Beberapa petikan untuk renungan

"...jika terlalu canggih teknologi sedangkan sentuhan personal kurang, anda akan membuktikan kecekapan... tetapi anda akan kekurangan keberkesanan..."

- Howard Mark-EVP E-Business.

"...High-tech harus diimbangi dengan high touch untuk membangun high trust organization."

- John Naisbitt, Penulis High Tech High Touch

Sumber:

En. Yufridin Wahab / Diskusi Pagi 19

Disediakan oleh:

Norsyahiza Hamzah

